

Perkukuh institusi keluarga elak buang bayi

KEKERAPAN berita mengenai pembuangan bayi di media elektronik dan media cetak menunjukkan semakin luntarnya sifat kemanusiaan dan kasih sayang ibu terhadap anaknya. Apa yang lebih menyedihkan ialah apabila bayi dibuang ke tempat amat berbahaya seperti dalam semak-samun serta longkang.

Faktor penyumbang kepada gejala buang bayi ini termasuk kerapuhan institusi kekeluargaan. Faktor lain yang menyumbang ke arah berlakunya zina dan pembuangan bayi ialah kurang kefahaman dan penghayatan agama di samping tiada perasaan takut, malu kepada keluarga serta masyarakat.

Pembuangan bayi juga sering dikaitkan dengan tekanan dan malu yang terpaksa ditanggung akibat mengandung di luar perkahwinan. Perbuatan ini mengakibatkan ada bayi dijumpai mati. Penyebaran filem berunsur lucah serta program hiburan melampau juga menjadi faktor berlakunya zina seterusnya membawa kepada lahinya bayi tidak sah taraf.

Antara langkah membantu mengelak gejala buang bayi daripada berterusan ialah pengukuhan terhadap institusi kekeluargaan, memben-dung bahan lucah, memperbanyakkan program kesedaran bahaya gejala sosial, mempertingkatkan program pengukuhan iman dan sahsiah, menyediakan pusat perlindungan dan khidmat kaunseling/nasihah kepada wanita serta menyediakan pusat perlindungan bayi.

Pengukuhan institusi kekeluargaan dapat dipertingkatkan dengan setiap ahli keluarga memainkan peranan ke arah menjadikan keluarga harmoni.

Peranan guru juga membantu mengurangkan kes buang bayi, bukan saja sebagai pembimbing akademik, malah juga menjadi rakan kepada remaja.

Persekitaran tidak sihat harus dibanteras. Media juga perlu menyiarkan kejayaan remaja cemerlang sebagai motivasi.

**PROF MADYA
DR SAPORA SIPON,**
*Universiti Sains Islam
Malaysia (Usim).*